

13/07/1998

MTUC syor penjarakan majikan gagal mencarum

PETALING JAYA, Ahad - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mahu majikan yang gagal mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikenakan penjara mandatori mengikut kesalahan jenayah pecah amanah.

Presiden MTUC, Zainal Rampak, berkata cadangan itu sudah dikemukakan kepada Lembaga KWSP yang kini sedang mengkajinya.

Dalam cadangan itu, kata beliau, MTUC meminta pihak berkuasa meminda Akta KWSP kerana undang-undang sedia ada hanya mengenakan denda kepada pesalah.

"Setakat ini majikan yang didakwa di mahkamah dan didenda masih melakukan kesalahan yang sama.

"Jika kita pinda Akta KWSP dan dakwa mereka mengikut jenayah pecah amanah serta penjarakan mereka, ini mengelak mereka mengulangi kesalahan itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian pejabat serantau Persekutuan Pekerja Logam Antarabangsa (IMF) Asia Tenggara di Bandar Sunway di sini, hari ini.

Pejabat itu dirasmikan Ketua Setiausaha IMF, Marcello Malentacchi.

Mengenai saranan MTUC supaya majikan dan pekerja menyumbang RM1 setiap bulan bagi mengisi dana Skim Penamatan Perkhidmatan Pekerja, Zainal berkata, Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) membincangkannya akhir bulan ini.

Skim itu yang dicadangkan oleh MTUC bertujuan mengumpul dana bagi membolehkan pekerja yang gagal mendapatkan pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas ditamatkan perkhidmatannya, menerima elaun bagi menyara hidup mereka.

Beliau berkata, cadangan itu dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua bulan lalu.

Berikutan itu, katanya, Perdana Menteri bersetuju supaya Kementerian Sumber Manusia meneruskan perbincangan berhubung cadangan itu.

"Kita akan membincangkan perkara itu pada mesyuarat NLAC hujung bulan ini," katanya.

Zainal berkata, MTUC akan mencadangkan skim itu dikendalikan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) kerana ia mempunyai mekanisme berbuat demikian selain wakil daripada semua pihak termasuk majikan dan pekerja dalam ahli lembaga pengarahnya.

Lima juta pekerja berdaftar dengan Perkeso.

"Jika RM2 dikumpulkan (majikan dan pekerja) bermakna RM10 juta dapat dikumpul setiap bulan," katanya.

Beliau juga akan mencadangkan majikan yang gagal memberi elaun termasuk syarikat yang diisytihar muflis selepas mengutip bayaran seringgit, dikenakan tindakan undang-undang dalam bentuk jenayah pecah amanah.

(END)